

Tompok panas Sumatera, Kalimantan meningkat

B/HARIAN 23/9/12, MS 6.

JAS tingkat rondaan harian ke kawasan berpotensi berlaku kebakaran terbuka

Oleh Mohd Roji Kawi dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia masih menyebabkan jerebu merentas sempadan dan memberi kesan kepada peningkatan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di semua kawasan di Semenanjung, Sarawak dan barat Sabah.

Menurut Jabatan Alam Sekitar (JAS) berdasarkan laporan ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) di Singapura, Sabtu lalu, imej satelit National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 20, menunjukkan ada peningkatan tompok panas dikesan di Sumatera iaitu 777 manakala tompok panas di Kalimantan meningkat kepada 363.

BERNAMA melaporkan, asap jerebu dari Sumatera memberi kesan kepada hampir keseluruhan Semenanjung.

"Kluster tompok panas di bahagian barat, tengah dan selatan Kalimantan berterusan melepaskan asap jerebu dan memberi kesan di Sarawak," kata laporan itu.

JAS memaklumkan sembilan tompok panas dikesan di dalam negara iaitu tiga di Selangor, dua di Johor, dua di Terengganu dan dua Sarawak.

Katanya, ada tompok panas yang tidak dapat dicerap oleh



Anggota Bomba bersama Angkatan Pertahanan Awam memadam kebakaran belukar di Kampung STC, Sri Aman, semalam. (Foto Mohd Roji Kawi/BH)

imej satelit disebabkan oleh liputan awan yang tebal dan laluan satelit tidak dicerap sepenuhnya.

"JAS meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan rondaan harian ke kawasan berpotensi berlaku aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU," katanya.

Di **Kuala Lumpur**, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) memaklumkan Malaysia dijangka menerima angin dari arah timur laut bermula hari ini, sekali gus membantu mengurangkan keadaan berjerebu.

Katanya, Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) memaklumkan perubahan arah angin itu akan menyebabkan jerebu dari negara jiran tidak lagi bertiup ke arah Malaysia.

"Dengan kehadiran angin dari arah timur ini, jerebu dari negara

jiran dijangka tidak lagi menuju negara kita dan keadaan jerebu di negara ini akan berkurangan.

"Ketika fasa peralihan monsun yang dijangka berlaku esok (hari ini), angin dijangka bertiup dari beberapa arah, manakala cuaca lebih lembap akan dialami negara kita," katanya.

Justeru, keadaan jerebu dijangka bertambah baik dengan perubahan arah angin dan peralihan monsun.

Di **Sri Aman**, operasi memadamkan kebakaran belukar di Kampung STC, di sini diperhebatkan dengan pengeboman air pada jam 9.20 pagi menggunakan pesawat Bombardier CL-415 milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak, Tiong Ling Hii, berkata pesawat itu per-

lu melaksanakan operasi berkegiatan pada waktu pagi berikutan air Sungai Lingga dijangka surut pada waktu petang.

"Sungai yang surut dikhuatiri menyukarkan pesawat itu mengambil air, sebab itulah operasi pengeboman air dimulakan awal," katanya.

Di **Kuching**, **BERNAMA** melaporkan kira-kira 95 peratus daripada 246 hektar tanah gambut yang terbakar di Sri Aman dipadamkan setakat semalam.

Jurucakap Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) berkata, kebakaran hampir dikawal sepenuhnya dan hanya sebahagian kecil yang masih terbakar.

"Esok (hari ini) pihak Maritim Malaysia akan mengadakan sidang media bagi memaklumkan status dan perkembangan semasa mengenai operasi," katanya.